

## PERATURAN PERMAINAN LUMBA BASIKAL

### 1.0 NAMA

Pertandingan ini dinamakan Kejohanan Lumba Basikal Berpasukan Sukan Staf UTeM.

### 2.0 PERATURAN PERTANDINGAN

Mengikut undang-undang dan Peraturan Am Sukan Staf UTeM yang dikuatkuasakan sepanjang pertandingan ini.

### 3.0 UNDANG-UNDANG PERMAINAN

Selain daripada peraturan-peraturan terkandung, pertandingan ini akan diputuskan mengikut **Undang-Undang Union Cycling International (UCI)** dan terjemahan **Persekutuan Kebangsaan Berbasikal Malaysia (PKBM)** yang berkuatkuasa pada ketika ini.

### 4.0 KELAYAKAN PEMAIN

Rujuk Perkara 3.0 Peraturan Am Kejohanan Sukan Staf UTeM.

### 5.0 FORMAT PERTANDINGAN

5.1 Berpasukan Campuran (3 Lelaki dan 2 Wanita)

### 6.0 PEMBENTUKAN PASUKAN

6.1 Semua pasukan diwajibkan mendaftar senarai nama pemain di dalam borang yang disediakan.

### 7.0 SISTEM PERTANDINGAN

7.1 Basikal jenis *Mountain Bike* dengan *Mountain Handlebars* sahaja yang dibenarkan (tertakluk perubahan).

7.2 Semua basikal yang digunakan hendaklah mematuhi peraturan dan ukuran yang telah diluluskan oleh UCI.

7.3 Hanya tayar off road MTB SAIZ 1.95 keatas sahaja dibenarkan.

7.4 Penggunaan *Rigid Fork* dan *Triathlon Bars* adalah tidak dibenarkan

- 7.5 Pelumba yang menggunakan palte (nombor) dan nama lain selain yang didaftarkan akan dibatalkan penyertaan (DQ).
- 7.6 Pelumba diwajibkan memakai helmet keselamatan dan pelumba tidak akan dibenarkan menyertai perlumbaan sekiranya peraturan ini tidak dipatuhi.
- 7.7 Nombor perlumbaan hendaklah dipaang *diseat-post* basikal dan dibelakang badan peserta. Peserta dikehendaki menamatkan perlumbaan dengan menggunakan basikal serta nombor yang sama.
- 7.8 Pelumba perlu bertanding dengan semangat kesukanan dan tidak menghalang peserta lain yang ingin mendahului perlumbaan.
- 7.9 Petugas pasukan tidak dibenarkan membantu atau menolak peserta semasa perlumbaan.
- 7.10 Pelumba hanya dibenarkan bertanding di laluan litar yang telah ditentukan sahaja.
- 7.11 Setiap pelumba hendaklah mematuhi *Cut-Off time* yang ditetapkan dan memberikan kerjasama apabila dikehendaki menaiki *sweeper*. Pihak Penganjur tidak akan bertanggungjawab dari aspek keselamatan dan lain-lain sekiranya pelumba tidak mematuhi arahan selepas *cut-off time*.
- 7.12 Pelumba perlu mematuhi peraturan keselamatan jalanraya dan juga sebarang arahan yang dikeluarkan oleh Marshal, pasukan keselamatan dan penganjur sepanjang perlumbaan berjalan.
- 7.13 Tiada water station disediakan sepanjang laluan perlumbaan. Setiap pasukan hendaklah memastikan sumber hidrasi mencukupi sepanjang perlumbaan berlangsung.
- 7.14 Peraturan-peraturan terkini yang tiada dinyatakan akan dibincangkan semasa mesyuarat pengurus – pengurus pasukan.
- 7.15 Kejadian luar jangka sepanjang perlumbaan yang tidak dinyatakan dalam peraturan akan diputuskan berdasarkan undang-undang dan Jawatankuasa Teknikal Penganjuran.

## 9.0 PERKARA LARANGAN

- 9.1 Pelumba tidak dibenarkan bersikap tidak baik sepanjang perlumbaan berlangsung.
- 9.2 Semua Ketua Pasukan adalah diminta memastikan semua pelumba berpakaian mengikut peraturan dan undang-undang.

## 10.0 ALATAN PERTANDINGAN

- 10.1 Peralatan pertandingan yang diguna pakai semasa pertandingan adalah mengikut seperti yang telah ditetapkan oleh Undang-Undang.
- 10.2 Para peserta hanya perlu membawa peralatan sendiri semasa kejohanan.

## 11.0 MENARIK DIRI/MEYERAH KALAH

- 11.1 Pihak Penganjur dan pengerusi permainan berhak membuat keputusan sekiranya ada perkara yang tidak dinyatakan dan keputusan adalah muktamad.

## 12.0 HADIAH & PEMENANG

- 12.1 Pemenang pingat keseluruhan (*medal tally*) akan ditentukan melalui jumlah pungutan masa tersingkat dari 2 atlet lelaki dan 1 atlet wanita dari setiap pasukan yang bertanding.

## 13.0 PERKARA-PERKARA YANG TIDAK DINYATAKAN

Rujuk perkara 17.0 Peraturan AM Kejohanan Sukan Staf UTeM.

## 14.0 RINGKASAN PINGAT

KATEGORI	EMAS	PERAK	GANGSA
Pegawai	1	1	1
Atlet	5	5	5
<b>JUMLAH</b>	<b>6</b>	<b>6</b>	<b>6</b>